

10 SEP 2002

Mahathir-Kemahiran (Bergambar)

BUMIPUTERA PERLU KEJAR ILMU UNTUK SETANDING DENGAN BUKAN BUMIPUTERA,
KATA DR MAHATHIR

BANGI, 10 Sept (Bernama) -- Kaum Bumiputera perlu mempunyai kecekapan, kesanggupan dan keinginan untuk mengejar ilmu dan kemahiran tertentu supaya jurang perbezaan antara mereka dan bukan Bumiputera dapat dikurangkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Yang menjadi masalah kita ialah jumlah Bumiputera tidak begitu ramai berminat untuk menguasai kemahiran-kemahiran (tertentu) dan dengan menguasai kemahiran-kemahiran ini mereka dapat menolong membangunkan kaum mereka setaraf dengan kaum yang lain," katanya ketika merasmikan Institut Malaysia Perancis di sini, hari ini.

Kaum Bumiputera kini tidak mempunyai sebarang kekurangan "asalkan mereka sanggup mempelajari sesuatu, sanggup membuat sesuatu berulang-kali, mereka akan dapat menguasai kecekapan-kecekapan ini," kata beliau lagi

Terdapat bukti kaum Bumiputera dapat mengimbangi bukan Bumiputera jika mereka rajin mengejar ilmu dan perkara ini tidak dapat dipersoalkan lagi.

Perdana Menteri berkata kerajaan ingin melihat negara ini maju dan rakyatnya tahu menggunakan kemajuan yang dikecapi itu.

"Mungkin ramai daripada kaum Bumiputera tidak dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dalam negara maju kerana mereka tidak mempunyai kebolehan.

"Untuk ini kerajaan sedia membelanjakan wang yang banyak, mengadakan pusat-pusat latihan tetapi hanya dengan pusat-pusat latihan sahaja tidak mencukupi jika tidak ada minat di kalangan Bumiputera untuk menikmati kemudahan kemajuan," kata Dr Mahathir.

Untuk mengurangkan jurang antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera kerajaan telah menubuhkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang berfungsi untuk membangunkan Bumiputera.

Sejurus selepas Malaysia merdeka, kerajaan mendapati jurang kemahiran dan kebolehan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera begitu ketara sekali.

Dr Mahathir berkata jurang perbezaan ini menyebabkan Bumiputera menganggap tugas-tugas tertentu hanya boleh dibuat oleh bukan Bumiputera dan oleh itu bila sesuatu perlu dibuat, yang memerlukan kecekapan mekanikal ataupun kecekapan yang bercorak teknikal, biasanya dipanggil mereka yang bukan Bumiputera untuk membuat kerja itu.

"Ini satu pendapat yang silap kerana manusia mana pun kalau diberi latihan dan dikehendaki membuat sesuatu berulang-kali tak dapat tidak mereka akan jadi cekap," katanya.

Justeru itu, Dr Mahathir berkata apabila kerajaan melihat keadaan yang tidak seimbang antara kaum, ia mencari jalan untuk mengimbangi kedudukan ini dengan memberi latihan dan menentukan pelatih-pelatih membuat sesuatu berulang kali sehingga dapat menguasai kecekapan itu.

Untuk mendapatkan ilmu ataupun kecekapan, Perdana Menteri berkata negara bersedia membuat apa sahaja sehinggakan meminta bantuan dari negara asing.

-- BERNAMA

SR SR PR